

Hukuman tak berkesan didik anak

Proses sosialisasi sihat, kasih sayang bantu pertumbuhan minda kanak-kanak

BHMS 12 21/3/07



INTI PATI

Proses bentuk keperibadian anak

- Pembentukan akhlak murni anak bermula dari rumah kerana ibu bapa adalah guru terawal sebelum anak ke sekolah.
- Ilmu yang perlu diketahui ibu bapa ialah mengenai perkembangan minda, emosi, psikologi dan perkembangan psikomotor atau jasmani bagi memahami pembedaan anak, manakala ke-trampilan menjurus kepada memberikan kasih sayang, belaian dan komunikasi.
- Ibu bapa mewujudkan suasana rumah yang kondusif supaya proses pembelajaran boleh berlaku dengan baik.
- Komunikasi yang tinggi di kalangan ibu bapa membolehkan belaian, kasih sayang, tunjuk ajar, memahami gelagat dan tingkah laku anak supaya tidak wujud jurang antara ibu bapa dengan anak
- Ibu bapa harus memperuntukkan masa berkualiti bersama anak.

ANAK adalah harta keluarga yang amat bernilai. Anak yang terbenak wataknya dengan baik bakal menyumbang kepada keluarga dan negara. Apalagi kalau minatnya menuntut ilmu adalah tinggi, ia bakal menjadi anak cemerlang. Anak cemerlang adalah modal insan yang amat bernilai bagi negara. Anak seperti ini bermula pembentukan dirinya di rumah. Ibu bapalah guru yang terawal sebelum anak ke sekolah. Sekolah berperanan melanjutkan tradisi pembentukan watak dengan ilmu dan kemahiran di samping pemupukan nilai baik.

Sebagai ibu dan bapa, ilmu dan ke-trampilan mendidik adalah perlu. Ilmu mengenai perkembangan minda, emosi, psikologi dan perkembangan psikomotor atau jasmaninya adalah penting bagi memahami pembedaan anak. Ke-trampilan memberikan kasih sayang, belaian dan komunikasi amat dituntut kerana naluri yang subur di kalangan anak memerlukan pengisian.

Anak perlu dikenal bakat dan potensinya sejak kecil. Bakat ini perlu digilap dengan kegiatan dan suasana yang mendorong perkembangan naluri yang sihat dan contoh teladan baik. Anak sejak kecil lagi suka bertanya sesuatu yang dilihat dan hal yang dialami di persekitarannya. Anak juga suka bermain dan menonton cerita kartun di media elektronik. Malah, ada anak yang suka berkawan dengan rakan sebayanya.

Pada tahap ini ibu bapa perlu memberikan bimbingan dan pedoman supaya soalan daripada anak dijawab dengan bahasa mudah difahami, penjelasan yang tidak berupa leteran, di samping memuji yang tidak berlebihan sekiranya anak menunjukkan kejayaan dan kebolehan dalam sesuatu perkara. Ia akan memberi rangsangan kepada anak untuk membina sifat yakin diri.

Pertama yang harus dilakukan oleh ibu bapa ialah mewujudkan suasana rumah yang kondusif atau sesuai supaya proses pembelajaran boleh berlaku dengan baik. Anak akan menjadikan ibu bapanya teladan dan dapat belajar daripadanya dengan kasih sayang dan belaian. Sekiranya ibu bapa tidak mewujudkan suasana ceria di rumah, anak tidak akan berasakan ada suasana yang boleh dipelajari di rumah atau rumah yang menyediakan suasana yang tidak teratur di mana pertengkaran ibu bapa sering berlaku, cakap ibu bapa yang tidak serupa bikin, ketegangan sering tercetus dan akhirnya anak tidak berasakan rumah sebagai sekolah awal bagi mereka.

Kasih sayang bermakna ibu bapa melihat anaknya sebagai harta masa depan yang perlu dibentuk secara fitrah. Ibu bapa harus memiliki cara lembut dan bijaksana, tetapi terarah supaya naluri ingin tahu dan meniru disalurkan secara sihat dan mendidik. Kalau anak tersilap, teguran yang membina harus dilakukan. Maki-hamun, gertak bengis dan memukul anak bukan jalan keluar yang diperlukan. Ibu bapa harus mempunyai kesabaran tinggi kerana kerena anak memerlukan daya komunikasi yang baik supaya ada hubungan dua hala antara ibu bapa dan anak untuk mewujudkan rasa percaya yang tinggi.

Kedua, daya komunikasi yang tinggi di kalangan ibu bapa membolehkan belaian, kasih sayang, tunjuk ajar, memahami gelagat dan tingkah laku mereka supaya tidak wujud jurang antara ibu bapa dengan

resiasi atau penghargaan dan mahukan perhatian terhadap masalah berfikir, emosi dan naluri yang dihadapi. Komunikasi berasaskan ilmu dan pengetahuan, nasihat dan teguran yang mendidik boleh membantu anak mengenal dirinya, tahu akan masalahnya dan diberikan pedoman bagaimana mengatasi.

Ketiga, ibu bapa harus memperuntukkan masa berkualiti bersama anak-anaknya. Ada hak anak terhadap ibu bapa yang mesti diberi dan diraikan. Pada hari ini, ramai ibu bapa yang bekerja dan sibuk di luar rumah.

Bayangkan anak kecil yang ditinggalkan oleh ibu bapa antara lapan hingga 10 jam pada hari kerja akan berasa sunyi, bosan dan kosong. Kalau ibu bapa balik lewat dan sampai di rumah dalam keadaan letih, di samping banyak hal rumah yang tidak teratur, anak akan berasa terpinggir dan tersingkir.

Sekiranya hal ini berlaku berulang ia boleh mendatangkan masalah kepada anak. Masa yang berkali harus mampu diberikan kepada mereka supaya kebosanan yang terjadi, kesunyian yang berlaku dapat diisi kembali dengan belaian, kasih sayang, malah kegiatan yang merangsang minat dan bakat mefeka.

Bagi anak yang sudah menyertai program taska dan tadika sudah tentu mereka mempunyai suasana baru, kawan baru dan juga pengalaman belajar baru. Pada tahap ini kecenderungan anak melakukan sosialisasi adalah tinggi. Dengan kawan baru dan kegiatan baru ia boleh memberikan rasa ceria dan seronok kepada anak. Pada masa sama ibu bapa harus terus memandunya di rumah supaya apa yang dialami di taska dan tadika dapat disuburkan di rumah. Ibu bapa harus sering berkongsi pengalaman anak dan mengukuhkan lagi aspek positif yang dipelajari di sekolah.

Bagi anak yang memasuki program di sekolah rendah, kecergasan mereka dalam bertanya, berkawan, menconthi, menun-

tut perhatian dan keraian adalah tinggi. Hasil bertemu dan bergaul dengan rakan sebayanya di sekolah, menerusi proses pembelajaran yang lebih terarah, ibu bapa harus membantunya apabila anak kembali ke rumah. Ada ketikanya wujud gelagat baru mempengaruhi anak dari sudut tingkah laku, cara bercakap, adab sopan yang terjadi kepada mereka. Ibu bapa harus peka dan bersedia dengan bijaksana membimbing dan memperbetulkan keadaan. Kalau tidak, gelagat itu boleh membentuk sikap dan cara berfikir anak. Harus di-insafi pengaruh rakan sebayanya amat besar kesannya terhadap anak kita.

Apabila anak berada di sekolah menengah, umumnya mereka sudah berada pada tahap akil baligh. Tidak saja jasmannya berubah, minda, emosi, jiwa dan tingkah lakunya turut berubah. Inilah tahap yang kritikal bagi ibu bapa membuat pemerhatian dan pengesanan supaya perubahan watak dan gelagat itu berlaku secara baik dan terbimbing. Anak pada tahap ini kadang-kadang suka menyendiri dan sebahagiannya suka berkawan. Isikan masa mereka dengan kecenderungan yang sihat dan mendapat kawan baik.

Kealpaan memerhati, mengenal pasti dan mengesan perubahan boleh menyebabkan anak membentuk wataknya secara sendiri dan akhirnya boleh menyebabkan masalah baru berbangkit, adanya jurang pengertian antara ibu dan bapa dan akhirnya wujud ketegangan antara kedua-dua pihak.

Pada tahap kritikal ini, ia menuntut pengertian ibu bapa yang tinggi, mendekati anak dengan sabar dan suburkan pembincangan, pertukaran pendapat yang logik dan meyakinkan dan suburkan diri anak dengan nilai agama yang baik supaya anak pada tahap ini tidak kehilangan pedoman dan arah. Pada tahap ini jiwa memberontak tetap ada dan perubahan anak sekiranya didekati dengan bijaksana, membimbing mereka menjadi orang dewasa yang matang.



PERUNTUKAN MASA: Ibu bapa perlu bijak membahagikan masa untuk anak dengan belaian kasih sayang serta kegiatan yang merangsang bakat dan minat mereka.